

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI  
MOHAMAD [ LIPIS ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9408**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mekanisma yang bersesuaian serta konkrit dalam menghadapi masalah pelancong yang masuk ke Negara kita tetapi tidak pulang ke Negara mereka semula. Sekaligus menepis dakwaan yang telah viral bahawa wujudnya seramai 235,000 pelancong China di Malaysia yang tidak pulang ke negara asal.

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dalam mengatasi masalah pelancong yang masuk ke negara ini tetapi tidak pulang ke Negara mereka semula, telah menggunakan beberapa mekanisme yang bersesuaian seperti berikut:**

- i) Proses tapisan awal melalui pengeluaran visa di kedutaan/ pejabat perwakilan Malaysia di luar negara, di mana tapisan akan dibuat untuk mengenal pasti sama ada butiran warga asing berkenaan telah dimasukkan dalam Senarai Syak (SL) Jabatan. Sekiranya nama mereka tersenarai dalam senarai syak, warganegara asing berkenaan tidak akan dikeluarkan dengan visa untuk datang ke Malaysia;**
- ii) Kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara meliputi pemeriksaan dokumen perjalanan, latar belakang pengembara, dan penyemakan identiti dengan pangkalan data senarai syak Jabatan;**
- iii) Penggunaan *autogate* bagi kemasukan warganegara Malaysia bagi menjamin keselamatan dokumen di samping memelihara identiti warganegara melalui pengecaman cap jari biometrik. Ia seterusnya dapat membantu dan memberi peluang kepada pegawai imigresen untuk memberikan lebih perhatian kepada pemeriksaan pelawat asing yang berisiko tinggi di pintu-pintu masuk negara; dan**

iv) Perkongsian data bersama pihak PDRM bagi warga asing yang berisiko dalam Sistem *Suspect List* (SL).

Sebagai tambahan, JIM membuat penyemakan data warga asing yang berisiko di pintu masuk negara kepada Sistem Sekuriti Nasional (NERS) melalui proses pengecaman terhadap data biometrik pesalah imigresen yang telah direkodkan dalam senarai syak Jabatan.

Disamping itu juga, sistem NERS dapat mengenalpasti ketulenan identiti individu bersama dokumen yang digunakan berdasarkan semakan silang dengan maklumat biometrik yang terkandung dalam pangkalan data NERS. Pelaksanaan prosedur ini dapat meningkatkan keberkesanan kawalan dan pemeriksaan masuk warga asing.

Berdasarkan statistik oleh JIM, seramai 38,588 orang pelancong asing termasuk pelancong China yang didapati telah melakukan pelbagai kesalahan dibawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresan 1963.

Bilangan pelancong yang masuk ke negara tidak semestinya sama dengan pelancong yang keluar. Ini adalah kerana ada antara mereka yang menyertai Program *Malaysia My Second Home*, pemegang Pas Lawatan Jangka Panjang, mempunyai Permit Kerja yang sah dan lain-lain program yang ditawarkan oleh Kerajaan.

**Dari bulan Januari sehingga 30 September 2016, JIM telah merekodkan seramai 1,522,263 ketibaan pelancong China. JIM juga telah mencatatkan jumlah seramai 1,760,760 warganegara China yang telah berlepas keluar dari Malaysia yang mana ia turut melibatkan 238,497 warganegara China yang telah menyertai program-program Kerajaan seperti yang tersebut di atas. Dalam hal ini, kenyataan bahawa seramai 235,000 orang pelancong China di Malaysia yang tidak pulang ke negara asal adalah tidak benar sepertimana yang telah diviralkan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2016 (RABU)**

**SOALAN : 24**

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memberikan keadilan untuk keluarga mangsa-mangsa MH17 memandangkan laporan baru-baru ini bahawa pesawat tersebut kemungkinan besar ditembak oleh satu "missile" dari kawasan di Ukraine yang dikawal oleh kuasa-kuasa Rusia.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan siasatan jenayah nahas pesawat MH17 yang dikeluarkan oleh *Joint Investigation Team* (JIT) adalah bersifat interim dan tidak menyalahkan mana-mana pihak yang bertanggungjawab ke atas nahas tersebut. Pada masa ini, siasatan berhubung pelaku-pelaku jenayah berhubung nahas pesawat MH17 masih sedang dijalankan oleh JIT. Oleh yang demikian, sebarang tindakan yang akan diambil hanya akan diputuskan setelah siasatan berhubung nahas pesawat tersebut selesai dan setelah mendapati keterangan yang mencukupi untuk membawa pelaku atau pelaku-pelaku jenayah ke muka pengadilan.

Dalam pada itu, Malaysia bersama-sama dengan negara-negara yang diwakili dalam JIT iaitu Australia, Belanda, Belgium dan Ukraine sedang meneruskan perbincangan bagi 2 opsyen pendakwaan yang telah dikenal pasti iaitu pendakwaan di peringkat nasional oleh salah satu negara anggota JIT dan pendakwaan oleh suatu tribunal antarabangsa yang diwujudkan khas oleh negara anggota JIT bagi membawa pihak yang bertanggungjawab ke muka pengadilan.

**SOALAN NO.25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Datuk Jumat bin Idris**  
**[ Sepanggar ]**

**TARIKH** : **23 November 2016 (Rabu)**

**SOALAN** : **25**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan

- (a) apakah tindakan positif dalam menangani kes-kes penculikan di perairan Sabah; dan
- (b) berapakah bilangan cubaan menculik di perairan Sabah yang Berjaya ditangkap atau dipatahkan oleh pihak keselamatan kita setakat hari ini.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Tindakan positif yang diambil dalam menangani kes-kes penculikan di perairan Sabah adalah dengan melaksanakan lima (5) inisiatif utama:

- i. *Trilateral Cooperative Arrangement* (TCA) antara Malaysia, Indonesia dan Filipina dalam mengadakan kerjasama tiga hala dalam menangani isu-isu keselamatan di persempadanan antara negara;
- ii. Membangunkan pusat informasi bersepadu (termasuk pertukaran pegawai antara negara) bagi meningkatkan *maritime domain awareness* bagi perkongsian maklumat antara negara;
- iii. Latihan berkala antara negara bagi membina *inter-operability*;
- iv. Memperkukuhkan kerjasama perisikan antara negara; dan
- v. Memberi kesedaran kepada semua peringkat lapisan masyarakat khususnya penduduk di pantai timur Sabah untuk memberi kerjasama untuk bersama-sama dengan anggota keselamatan menjaga perairan dari jenayah rentas sempadan.

Bilangan cubaan penculikan yang berjaya dipatahkan oleh ESSCOM adalah sebanyak 17 kes cubaan penculikan sejak tahun 2014 hingga Oktober 2016 iaitu:



| <b>Tahun</b>   | <b>Cubaan Culik Dipatahkan</b> |
|----------------|--------------------------------|
| 2014           | 7                              |
| 2015           | 2                              |
| 2016 (Oktober) | 8                              |
| <b>Jumlah</b>  | <b>17</b>                      |

Sekian, terima kasih.